

Bursa Malaysia kumpul RM3.49 bilion dalam penyenaian pada 2022
Astro Awani
18 Januari 2023
Bernama

KUALA LUMPUR: Bursa Malaysia Bhd berjaya mengumpulkan sejumlah RM3.49 bilion menerusi penyenaian primer dan sekunder sepanjang tahun lepas, peningkatan sebanyak 27 peratus daripada RM2.75 bilion pada 2021.

Dalam kenyataannya pada Selasa, bursa berkata jumlah itu termasuk 35 penyenaian baharu dan tertinggi sejak 2006 yang melibatkan pengumpulan RM11.15 bilion dan menyumbang permodalan pasaran keseluruhan sebanyak RM1.74 trilion.

Segmen runcit terus menjadi penyumbang utama iaitu 25 peratus daripada nilai purata harian.

"Pasaran runcit itu saling bekerjasama serta melengkapkan pasaran institusi dari segi penjanaan jumlah yang diperlukan oleh pasaran ekuiti Malaysia.

"Ekosistem pasaran ekuiti yang sihat sememangnya amat penting dalam memastikan kewujudan mudah tunai yang kukuh dalam edaran," kata Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Datuk Muhamad Umar Swift.

Dalam pada itu, Bursa Malaysia juga telah menganugerahkan 77 pengiktirafan kepada barisan pemenang Kempen Pelabur Runcit 2022 pada satu majlis baru-baru ini.

Jumlah anugerah terbanyak dibolot oleh Malacca Securities Sdn Bhd dengan 22 anugerah termasuk empat anugerah broker utama, CGS-CIMB Securities Sdn Bhd

mendapat 15 anugerah manakala Hong Leong Investment Bank Bhd, RHB Investment Bank Bhd dan Maybank Investment Bank Bhd masing-masing meraih enam anugerah.

-- BERNAMA

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd.

200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/bursa-malaysia-kumpul-rm349-bilion-dalam-penyenaraian-pada-2022-402403>